

Sempena Hari Wanita Kebangsaan

Wanita Nadi Negara

BH- 25/8/2007
*Sejarah Hari Wanita perlu dihayati bagi
menghargai pengorbanan generasi dulu demi kehidupan hari ini*

Oleh Nor Affizar Ibrahim
affizar@bharian.com.my

HARI INI 25 Ogos adalah Hari Wanita di Malaysia. Tarikh keramat yang amat bermakna bagi golongan hawa pelbagai kaum di negara ini, sewajarnya disambut dan diraikan dengan penuh pengertian serta kesedaran tinggi bahawa betapa bertuahnya kita apabila kian bergerak maju dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kemahiran pekerjaan dan kepimpinan.

Keadaan wanita hari ini boleh dibanggakan berbanding lebih 50 tahun itu. Justeru, tarikh yang dianggap begitu istimewa dan simbolik itu tidak seharusnya datang dan berlalu begitu saja tanpa dihiraukan serta dihayati sepenuhnya. Bahkan, semua wanita di Malaysia bukan saja perlu ambil tahu, tetapi wajar menghayati untuk apa dan mengapa Hari Wanita yang jatuh pada 25 Ogos disambut setiap tahun.

Sejarah detik permulaan pengisytiharan Hari Wanita di Malaysia ialah pada 25 Ogos 1962 iaitu lima tahun selepas tercapainya kemerdekaan. Pengisytiharan itu membawa pengertian sungguh mendalam, khususnya bagi wanita ketika itu kerana peristiwa berkenaan menempa lembaran baru di tanah air.

Almarhum Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, memilih tarikh 25 Ogos bagi merayakan Hari Wanita, sempena minggu perayaan besar bagi negara, iaitu minggu sambutan Hari Kebangsaan (pada waktu itu disebut Hari Merdeka) pada 31 Ogos.

Tarikh berkenaan juga dipilih bersamaan tarikh kelahiran Pergerakan Kaum Ibu Umno (kini Pergerakan Wanita Umno) iaitu 25 Ogos 1949.

Bekas menteri wanita pertama, Tun Fatimah Hashim, berkata tarikh itu sengaja dipilih agar wanita dapat mendahului semangat kemerdekaan yang disambut pada setiap 31 Ogos.

Beliau berkata, tujuan menganjurkan Hari Wanita ialah untuk menonjolkan, menghargai dan mengenang jasa serta perjuangan wanita ketika zaman penjajahan dan komunis.

Katanya, sepanjang untuk mencapai kemerdekaan, ramai wanita yang diseksa, hilang dan dibunuh kerana turut sama membantu mempertahankan maruah negara. Selain itu, ramai wanita yang menjadi ibu tunggal kerana kehilangan suami dan anak. Justeru, sewajarnya wanita diberikan sanjungan terhadap jasa dan pengorbanan diberikan.

Mengikut buku cenderamata Hari Wanita pertama pula, antara tujuan utama diadakan perayaan itu ialah untuk menarik perhatian umum terhadap peranan yang

dimainkan oleh wanita dalam usaha pembangunan negara. Kewujudan Hari Wanita juga diharap akan dapat mengikat perhubungan yang erat antara wanita daripada pelbagai kaum dan bangsa.

Sesuai dengan aspirasi itu detik untuk menjayakan hari bersejarah itu turut menyaksikan 16 pertubuhan wanita mengambil bahagian. Senarai di dalam buku cenderamata menunjukkan, pelbagai jenis pertubuhan wanita terbabit dan ia merangkumi badan sosial, agama serta parti politik.

Hakikatnya, Hari Wanita bukan saja peristiwa bersejarah, tetapi begitu penting kerana melalui perayaan ini wanita bukan saja dapat menekankan kedudukan mereka, tetapi memperkayakan pengetahuan dan dunia pergaulan.

Oleh itulah, Rashidah Ismail melalui tulisannya (Berita Harian, 6 September 1962) menjelaskan, perhatian dan penerangan mengenai Hari Wanita diberikan secara besar-besaran kepada semua peringkat wanita, sejak ia (Hari Wanita) 'masih di dalam kandungan' hingga ke saat lahirnya ke dunia pada 25 Ogos 1962.

"Apa yang jelas, ia menunjukkan pentingnya kelahiran Hari Wanita kepada manusia bergegar wanita. Bermula detik hari pengisytiharan, ia menentukan

nasib wanita di Malaysia harus dibela dan diberi hak yang sama dengan lelaki. Wanita di negara ini wajar menjadikan Hari Wanita sebagai hari kebangkitan wanita, yang pertama pada zaman Merdeka," katanya.

Suasana pada hari pengisytiharan Hari Wanita juga dikatakan meriah dan penuh bersemangat. Wanita tidak kira tua atau muda, miskin atau kaya berkumpul di Stadium Merdeka, tempat acara bersejarah itu berlangsung.

Program Hari Wanita ketika itu berlanjutan sepanjang hari sehingga sesetengah wanita yang hadir, membawa mangkuk tingkat dan botol air sebagai bekalan untuk mengisi perut.

Begitulah gambaran, tingginya semangat wanita ketika itu. Radio Malaya turut menghantar beberapa juruhebah wanitanya untuk melaporkan upacara bersejarah itu.

Acara pada hari itu, bermula dengan pemeriksaan perbarisan wanita oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ketika itu, Raja Perempuan Perlis Tengku Budriah Tengku Ismail diiringi Pengerusi Hari Wanita, Fatimah (Fatimah Hashim) dengan menaiki kereta land rover.

Rashidah dalam tulisannya mengatakan, "Jika sebelum ini lelaki saja pernah menaiki kereta itu untuk memeriksa pelbagai barisan,

kali ini wanita pula mengambil tempat. Alangkah hebatnya!"

Melalui tulisan itu jelas membayangkan, bangganya wanita pada zaman itu diberikan penghormatan sedemikian. Berbanding kini, acara tahunan itu meskipun disambut meriah ada segelintir yang menganggapnya ia tidak begitu penting dan menarik untuk diceritakan.

Sementara, dalam perutusan Tunku Abdul Rahman sempena majlis itu antara lain berkata: "Saya berasa sungguh megah menyatakan bahawa wanita Tanah Melayu telah menyambut seruan tanah air mereka dengan semangat yang cemerlang. Pengaruh dan jasa baik mereka dapat dilihat dalam segala segi penghidupan Tanah Melayu - dalam lapangan siasah dan masyarakat, dalam perkhidmatan sukarela dan pertubuhan kebajikan dan dalam lapangan pelajaran dan perdagangan, kebudayaan dan agama dan juga dalam lapangan sukan."

Selesai upacara perasmian Hari Wanita, acara dilanjutkan dengan persidangan wanita di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka. Persidangan yang membentangkan empat kertas kerja itu juga dianggap penting, banyak membincangkan dan menyentuh soal dan hak wanita yang merangkumi hal rumah

tangga, hal pekerjaan di luar rumah dan nikah kahwin.

Apa pun, bertitik tolak daripada persidangan pertama Hari Wanita, suara wanita yang lembah lembut mulai kedengaran baik di Parlimen, Dewan Negeri, dalam pertubuhan dan perkumpulan tertentu. Tuntutan persamaan gaji permintaan diperketat Undang-undang Nikah dan Cerai bagi wanita Islam antara dua isu utama yang berbangkit, hasil persidangan itu.

Hari ini, kita lihat suara itu kian tegas, malah banyak isu membabitkan hak dan pembelaan terhadap wanita diketengahkan.

Perayaan Hari Wanita turut membawa kejayaan kepada gabungan beberapa kumpulan dan pertubuhan wanita sehingga terbentuknya, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang ditubuhkan secara rasmi pada 25 Ogos 1963 dengan gabungan 12 pertubuhan lain.

Dari semasa ke semasa, ada suara yang mendesak supaya kerajaan mewujudkan badan khusus untuk memberi perhatian kepada persoalan wanita.

Apa yang dirumuskan, walaupun zaman sudah jauh berlalu dan berubah, semangat dan kemeriahan menyambut Hari Wanita pada setiap 25 Ogos tidak harus luntur. Pada masa sama, wanita secara keseluruhannya perlu menggunakan kesempatan ini bagi menilai semula kejayaan dicapai dan pada masa sama secara ikhlas, mengenal pasti kelemahan serta kekurangan yang dimiliki.

Wanita juga harus membetulkan tanggapan masyarakat hari ini yang meletakkan golongan hawa sebagai pihak kedua dalam pembangunan. Ini kerana apabila kita menyatakan wanita itu amat penting dalam masyarakat dan negara ia boleh ditafsirkan sebagai melengkapi antara satu sama lain.

Hari Wanita juga tidak harus disambut dengan mendabik dada dan berbangga terhadap kejayaan dicapai selama ini. Wanita Malaysia harus ingat bahawa hari itu juga tidak bermakna, wanita menjadi golongan yang menentang lelaki. Keazaman menuntut persamaan hak tidak bermakna wanita memupuk sifat bermusuhan dengan lelaki.

Sebaliknya, Hari Wanita 2007 yang disambut tahun ini dengan tema, Wanita: Nadi Negara adalah masa yang sesuai untuk mengingatkan masyarakat, tenaga wanita juga boleh digemblengkan demi kebaikan masyarakat dan keharmonian. Mengangkat kembali matlamat awal dan semangat wanita sejati yang bergelora pada 1962, marilah kita sama-sama mengambil bahagian meraikan dan menghayati erti sebenar Hari Wanita 2007 yang diraikan hari ini.



'Teroka bidang baru'

MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abd Jalil menyeru wanita terus meneroka dan menjadi perintis bidang baru bagi memastikan golongan wanita terus mencapai kecemerlangan pada masa depan.

Katanya, peluang yang ada perlu digunakan sepenuhnya oleh wanita di negara ini kerana tidak semua wanita di seluruh dunia mampu menikmati apa yang dikecapi wanita di sini.

"Sesetengah negara menindas wanitanya, tetapi negara kita membuka peluang sama rata kepada semua lapisan masyarakat. Banyak lagi bidang baru boleh dipelopori wanita seperti teknologi maklumat, angkasawan dan sebagainya, di samping memperkuat pelbagai bidang tradisional lain.

"Wanita jangan takut untuk meneroka dan merintis jalan baru untuk memastikan wanita di negara ini terus maju. Kecemerlangan wanita

memainkan pengaruh besar dalam sejarah tamadun sesebuah masyarakat. Sejarah menunjukkan, wanita berilmu mampu menjadikan sesebuah negara stabil dan maju.

"Sebaliknya, dapat dilihat betapa peradaban negara tidak terserlah apabila wanitanya ditindas. Pada masa sama, wanita jangan abaikan tugas dan tanggungjawab sebagai ibu yang mendidik anak. Keseimbangan antara kerjaya dan tanggung jawab perlu ada," katanya.